



PELUANG KERJAYA!

Timbalan Pengarah Pendakwaan (Putrajaya)

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Suruhanjaya Tenaga (ST) bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Kami sedang mencari tenaga profesional untuk mengisi kekosongan jawatan di Ibu Pejabat (Putrajaya) dan Pejabat Kawasan. Kami mencari warganegara Malaysia yang berdikari dan menunjukkan kualiti profesional yang baik, serta mempunyai kecenderungan untuk belajar yang tinggi.

Be Energy smart

SERTAI #TEAMST

TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pendakwaan selaras dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kawal selia pembekalan dan keselamatan tenaga.

TUGAS

- Melaksanakan tugas-tugas pendakwaan di Mahkamah bagi pihak ST selaras dengan peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990, Akta Bekalan Gas 1993 serta lain-lain undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
- Menyemak dan melengkapkan kertas-kertas siasatan sebelum dihantar kepada Timbalan Pendakwara;
- Memberi arahan dan nasihat kepada pegawai penyiasat ST berkaitan aspek penyiasatan yang sewajarnya;
- Menyediakan Kertas Pertuduhan, fakta kes dan lain-lain maklumat bagi tujuan pendakwaan di mahkamah;
- Memantau perkembangan terkini di dalam industri tenaga dan mencadangkan pindaan kepada akta dan peraturan berkaitan sewajarnya;
- Mengurus dan menyelaras hal-hal pentadbiran dan pengurusan unit seperti pengurusan kakitangan, kewangan, rekod dan aset;
- Memberi input dan maklumbalas kepada pengurusan atasan mengenai inisiatif, cadangan, perkembangan dan prestasi yang berkaitan dengan fungsi unit; dan
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN

- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- Mempunyai sekurang-kurangnya **lapan (8)** tahun pengalaman dalam bidang kawal selia industri elektrik dan gas berpaip;
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bertulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- Mempunyai personaliti yang baik, berdisiplin dan berfikiran positif;
- Mempamerkan kemahiran pengurusan yang tinggi serta seorang yang mementingkan kerja berpasukan.

Hantarkan permohonan anda berserta *resume* dan gambar terkini berukuran pasport anda kepada:

recruitment@st.gov.my

Atau secara bertulis kepada:

**Pengarah (Perkhidmatan Korporat)
Suruhanjaya Tenaga**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2, 62100 Putrajaya

Calon-calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan.